

BAB



Rumah Panjang Tradisi. Photo © Paolo Koch: SCB 202

SATU

BAB SATU

TRADISI BULUH DALAM BUDAYA IBAN DI SARAWAK

1.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah kajian penerokaan mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Buluh adalah satu daripada tumbuh-tumbuhan yang sangat penting penggunaannya dalam budaya masyarakat Iban pada masa dahulu. Zaman dahulu seperti juga masyarakat lain, masyarakat Iban banyak menggunakan buluh kerana pengaruh alam sekeliling yang dipenuhi oleh tumbuh-tumbuhan termasuk buluh. Oleh yang demikian buluh banyak memainkan peranan dalam melangsungkan budaya tradisi orang Iban dan lain-lain.

Dalam budaya tradisi masyarakat Iban, buluh digunakan untuk membuat alat-alat keperluan seperti dalam bidang ekonomi misalnya bertanam padi, mengutip hasil hutan, memburu, menangkap ikan dan sebagainya. Selain itu, buluh juga digunakan untuk membuat alat-alat ritual seperti alat anyaman untuk roh orang mati dan sebagainya. Buluh juga digunakan sebagai alat berhibur seperti alat-alat muzik dan buluh juga ada memainkan peranan dalam bidang seni anyaman, seni ukiran dan dalam sudut budaya orang Iban yang lain.

Selain itu, masyarakat Iban juga seperti bangsa lain mereka juga mengalami proses pertembungan budaya dan oleh yang demikian, maka terbentuklah alat-alat yang diperbuat daripada buluh yang dipinjam daripada bangsa lain seperti *tangkun* yang

berasal daripada bangsa China, *engkerurai* daripada bangsa Kadazan-Dusun dan sebagainya.

Selain proses pertembungan budaya yang membawa kepada terciptanya alat-alat baru, pertembungan budaya juga banyak membuat perubahan kepada masyarakat Iban terutamanya dalam aspek kosmologi. Dengan perubahan kepercayaan daripada animisme kepada agama wahyu, maka alat-alat yang berkaitan dengan kepercayaan animisme hampir lenyap.

Pendidikan moden juga banyak menyumbang kepada kepupusan penggunaan buluh seperti alat-alat anyaman dan ukiran buluh. Selain itu pembangunan yang dijalankan sama ada oleh kerajaan pusat atau negeri Sarawak juga banyak menyebabkan orang Iban zaman sekarang tidak mementingkan penggunaan buluh seperti pada masa silam.

Dengan kesedaran ini pengkaji telah berusaha mencari jalan penyelesaian supaya penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak dapat terus bersambung dan berkembang dengan cara yang lebih produktif terutamanya dalam bidang komersial. Oleh yang demikian, ia dapat memberi keuntungan bukan sahaja kepada masyarakat Iban tetapi kepada sesiapa yang berminat dalam penggunaannya. Oleh itu, ia diharapkan dapat membantu meningkatkan ekonomi negara Malaysia pada umumnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Untuk kajian ini, pengkaji akan memulakannya dengan memberi penekanan terhadap kajian mengenai sejarah penggunaan buluh di beberapa tempat di dunia. Selepas itu pengkaji akan membuat kajian secara teliti mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Sejarah penggunaan buluh di dunia memang sudah lama iaitu sejak zaman Dinasti Yin dan Dinasti Shang di negeri China iaitu kira-kira 4000-5000 tahun dahulu. Dalam kedua dinasti tersebut buluh digunakan untuk membuat anak panah dan sebagai alat pembawa pesanan atau mesej. Dalam Dinasti Song pada tahun 960 Masihi buluh banyak digunakan dalam kehidupan orang Cina. Mereka menggunakan buluh untuk makanan, lantai, dinding, kelarai, baju, kasut, kertas dan sebagainya. Dalam Dinasti Han pula, buluh digunakan untuk membuat tali. Tali tersebut digunakan dalam kerja melombong garam.

Selain negara China, buluh juga sangat penting dalam kehidupan masyarakat di negara Asia yang lain. Penggunaan buluh di negara-negara Asia yang lain adalah sama dengan penggunaannya di negara China tadi. Walau bagaimanapun di negara Filipina, Thailand, Malaysia, Indonesia dan India tidak ada disebut mengenai buluh yang dibuat tali untuk melombong garam seperti di negeri China. Di Filipina dan Indonesia buluh dijadikan ubat. Dikatakan buluh boleh dibuat racun sama ada untuk membunuh orang

atau menggugurkan kandungan ibu. Buluh juga dikatakan boleh dijadikan ubat untuk merangsangkan nafsu seks.

Sejarah penggunaan buluh orang Iban di Sarawak adalah sama dengan masyarakat-masyarakat lain di dunia ini. Mereka juga banyak menggunakan buluh sama ada dalam kehidupan harian mereka atau pada masa-masa tertentu. Dalam bidang pertanian orang Iban menggunakan alat-alat yang dianyam daripada buluh untuk membawa benih, makanan ternakan dan sebagainya. Mereka juga menggunakan buluh sebagai pagar ternakan seperti pagar ayam dan pagar itik. Selain itu, orang Iban menggunakan buluh untuk membuat junjungan sayur-sayuran dan sebagainya. Dalam keperluan harian pula, orang Iban menggunakan buluh sebagai bekas minuman, alat memasak, alat anyaman untuk menyimpan pinggan-mangkuk, pakaian, menyidai pakaian dan sebagainya.

Selain itu orang Iban juga menggunakan buluh sebagai senjata seperti lembing, ranjau, pisau dan sebagainya. Pada masa silam orang Iban menggunakan buluh sebagai senjata untuk menghukum sampai mati pasangan yang didapati bersalah kerana berzina. Zina yang dimaksudkan itu ialah zina yang sangat teruk seperti sumbang mahram (ayah/ibu dengan anak atau pun adik beradik)

Buluh juga digunakan untuk membina *andau*, titian, pondok, pembarauan dan sebagainya. Orang Iban juga menggunakan buluh untuk membuat perangkap binatang

dan *panjuk* burung semasa memburu. Mereka juga menggunakan buluh untuk membuat batang pancing, bubu, *insung* dan *ensenga* untuk menangkap ikan.

Buluh juga membantu orang Iban untuk berhubung dengan alam ghaib. Dalam kepercayaan tradisi orang Iban banyak ritual diadakan sama ada untuk memuja dewa-dewi atau mententeramkan hantu atau semangat. Hampir semua ritual tersebut ada menggunakan buluh. Buluh ini sama ada digunakan untuk meletakkan pemberian kepada dewa-dewi atau hantu semangat atau untuk memasak nasi pulut. Ruas buluh yang berisi nasi pulut itu digunakan dalam menghubungi semangat seperti dalam *Gawai Pangkung Tiang*. Buluh juga digunakan oleh *manang* dalam ritual perubatan seperti *Pelian Nangkap Semangat*.

Selain itu buluh memainkan peranan penting dalam memberi status kepada seseorang wanita atau lelaki. Bagi wanita Iban di Saribas dan Kalaka, hanya mereka yang boleh menganyam alat-alat yang dipersembahkan kepada roh-roh orang mati sahaja yang boleh mendapat gelaran *Indu Takaar* atau *Indu Gaar*. Alat anyaman tersebut mesti dibuat daripada buluh kecuali tikar bemban yang khas iaitu *tikai sebayan*. Wanita ini juga layak memberi *ai buluh* kepada *Bujang Berani*.

Bagi kaum lelaki pula buluh memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan status yang dinamakan *Bujang Berani*. Status ini hanya sah kepada orang yang layak minum *ai garung* atau *ai buluh*. *Ai buluh* sebenarnya adalah air tapai yang

telah dijampi. Orang yang layak minum air itu adalah seorang lelaki yang telah membunuh musuh.

Dalam seni persembahan buluh digunakan untuk membuat alat khas untuk ritual seperti *tongkat lemambang*. *Tongkat lemambang* adalah tongkat khas yang dibuat daripada buluh. Tongkat ini diukir dengan cantiknya. Tongkat ini digunakan oleh para *lemambang* dalam ritual seperti *Gawai Batu*, *Gawai Pangkung Tiang*, *Gawai Antu* dan sebagainya.

Dalam seni tampak pula buluh digunakan untuk menjadi alat ukiran dan alat anyaman dan sebagainya. Alat ukiran seperti tabung duit, bekas untuk menyimpan rokok atau tembakau dan lain-lain lagi. Dalam seni anyaman pula buluh digunakan untuk menganyam terendak, bakul, tikar, raga dan lain-lain.

Seterusnya, orang Iban di Sarawak juga seperti masyarakat lain pandai menggunakan buluh sebagai makanan. Mereka membuat rebung buluh sebagai sayur atau acar. Selain untuk sayuran sendiri, mereka menjadikan rebung buluh sebagai barang komersial. Mereka menjualnya di pasar tamu untuk mendapat wang. Selain daripada menjual rebung buluh, mereka juga menjual barangan yang dianyam daripada buluh.

Orang Iban menggunakan buluh sebagai tanda sempadan tanah atau kebun. Buluh ditanam di sempadan tanah untuk menjadi tanda sempadan tersebut. Buluh juga digunakan oleh orang Iban untuk mengangkat keranda dan menyukat lubang kubur yang

hendak digali. Orang Iban menggunakan buluh dalam perbicaraan dan buluh itu dinamakan *buluh kelakar*.

Pengkaji dapati buluh sangat sesuai dalam budaya masyarakat Iban kerana mereka tinggal di rumah panjang. Rumah panjang biasanya dibina di tepi hutan atau dikelilingi hutan. Hutan di Sarawak sangat kaya dengan buluh.

Spesies dan saiz buluh boleh menentukan cara penggunaannya. Misalnya buluh yang besar, panjang dan tebal sangat sesuai digunakan untuk membuat dinding, lantai, pondok, jambatan dan sebagainya. Buluh yang sederhana besar dan nipis sesuai untuk alat memasak dan dibuat untuk alat anyaman dan ukiran. Buluh yang kecil boleh digunakan untuk alat muzik, *palang* kelambu, penyidai pakaian dan sebagainya. Buluh yang sangat kecil tetapi keras sangat sesuai digunakan untuk membuat joran.

Dengan perubahan masa, kedudukan buluh dalam budaya Iban juga turut berubah. Sekarang jarang sekali kita melihat rumah panjang orang Iban berlantai atau berdinding buluh. Penggunaan buluh yang berkait dengan kosmologi semakin pupus kerana ramai orang Iban telah menganut agama Kristian dan ada juga yang menganut agama Islam. Pada masa dahulu kebanyakan alat-alat yang dibuat daripada buluh adalah untuk kegunaan harian atau ritual tetapi sekarang ia telah berubah. Kebanyakan alat anyaman atau ukiran buluh hanya digunakan sebagai perhiasan dan komersial.

1.3 Objektif Kajian

Pada dasarnya terdapat beberapa tujuan mengapa pengkaji mengkaji bidang ini. Pertamanya pengkaji sangat berminat dengan cara masyarakat di dunia menggunakan buluh dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun tumpuan kajian adalah kepada masyarakat Iban di Sarawak. Selain itu pengkaji ingin mendedahkan kepada masyarakat umum terutamanya pembaca supaya tahu tentang cara dan mengapa orang Iban di Sarawak menggunakan buluh.

Pengkaji sedar bahawa terdapat beberapa orang pengkaji pada masa lampau misalnya Piper (1992) yang pernah menulis mengenai penggunaan buluh oleh masyarakat di beberapa tempat di dunia. Walau bagaimanapun beliau tidak menyentuh tentang penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Banks (1949) ada menyentuh tentang budaya masyarakat Iban tetapi beliau hanya menyentuh sedikit sahaja tentang buluh iaitu hanya penggunaan buluh dalam ritual perubatan, memilih tapak rumah panjang dan *Gawai Mandi Rumah*. Beliau tidak menyebut perkara yang berkaitan dengan cara-cara mengguna dan menyediakan buluh yang hendak digunakan itu. Oleh yang demikian pengkaji cuba untuk mengisi ruang-ruang yang masih ditinggalkan oleh para pengkaji masa lampau itu.

Dengan dorongan yang telah dinyatakan di atas tadi, pengkaji akan berusaha sedaya upaya untuk membuat kajian mengenai budaya buluh dalam masyarakat Iban dengan cara yang lebih luas lagi. Oleh yang demikian, pengkaji mengharapkan ruang-ruang yang tertinggal dapat diisi dengan memuaskan. Ruang-ruang yang pengkaji hendak

isi itu adalah seperti cara memilih dan menyediakan buluh untuk membuat alat-alat tertentu. Pengkaji akan menerangkan cara-cara menggunakan alat-alat buluh itu. Selain itu pengkaji juga ingin mendedahkan sebab-sebab kenapa orang Iban membuat dan menggunakan peralatan yang diperbuat daripada buluh.

Dalam bidang makanan, pengkaji berusaha melengkapkan kajian tentang cara menyediakan rebung untuk makanan. Pengkaji akan mengkaji tentang cara memasak rebung secara tradisi dan juga moden. Pengkaji akan menerangkan apa maksud masakan tradisi dan juga moden. Mengikut pemerhatian pengkaji tidak semua rebung boleh dibuat makanan oleh orang Iban di Sarawak. Ada jenis rebung yang tidak boleh dimakan kerana berkait dengan pantang larang dan ada juga kerana rasanya yang terlalu *maang* atau pahit. Misalnya rebung *payan surik* terlalu *maang* atau pahit, *buluh amat* kerana takut dibunuh musuh dan sebagainya.

Selain makanan pengkaji juga akan mengkaji mengenai motif anyaman dan ukiran yang dibuat daripada buluh. Hal ini pengkaji fikir penting kerana motif anyaman memainkan peranan penting dalam menentukan penggunaan alat-alat anyaman berkenaan. Misalnya alat anyaman yang dibuat untuk kegunaan ritual berlainan motif, saiz dan bentuknya daripada alat anyaman yang digunakan untuk tujuan harian.

1.4 Matlamat Kajian

Antara matlamat utama kajian ini ialah ingin memberikan gambaran jelas mengenai daya kreativiti yang dimiliki oleh masyarakat Iban di Sarawak yang begitu

tinggi nilainya di samping untuk mengetengahkan dan memupuk rasa penghargaan terhadap seni anyaman dan seni ukiran, masakan dan seni bina masyarakat Iban di Sarawak.

Seterusnya pengkaji membuat kajian ini kerana ingin memberitahu kepada umum bahawa setiap perkara yang berlaku seperti *gawai* masyarakat Iban yang berkait dengan penggunaan buluh biasanya berkait juga dengan kepercayaan tradisi mereka. Kepercayaan tradisi orang Iban adalah animisme dan juga ada yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha.

Kajian ini juga bermatlamat untuk memberi kefahaman kepada generasi kini tentang kewujudan, kepentingan dan fungsi buluh sejak zaman dahulu sehingga zaman sekarang. Adalah menjadi harapan pengkaji agar penggunaan buluh ini akan terus berkekalan sehingga bila-bila masa. Selain itu, adalah menjadi harapan pengkaji juga supaya penggunaan buluh ini dapat menembusi bidang komersial seperti perabot, kertas dan sebagainya. Ini akan meniggikan taraf ekonomi orang Iban dan sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang tersebut. Seterusnya ia bukan sahaja menguntungkan masyarakat Iban malahan akan menguntungkan negara Malaysia pada keseluruhannya. Lantaran itu diharapkan pihak-pihak tertentu seperti kerajaan, muzium buluh atau badan-badan tertentu yang lain dapat mengambil inisiatif agar ia terus digunakan dengan lebih meluas kerana akan menguntungkan negara.

1.5 Permasalahan Kajian

Tuhan yang maha berkuasa mencipta alam dan segala yang ada di dalamnya. Manusia diberi tanggungjawab olehNya untuk menjaga alam dengan baik. Manusia juga diberi akal untuk menggunakan haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Pada asasnya tumbuhan digunakan oleh manusia sebagai makanan dan membuat tempat perlindungan. Tegasnya demikian manusia menggunakan tumbuhan seperti buluh untuk memenuhi keperluan hidup mereka.

Orang Iban di Sarawak sama juga dengan masyarakat lain di dunia iaitu banyak menggunakan buluh dalam budaya mereka. Pada zaman tradisi lagi, buluh memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Iban iaitu sejak dilahirkan sampailah mereka meninggal dunia dan dikebumikan. Maksudnya pada semasa tradisi apabila seorang bayi lahir tali pusatnya dipotong dengan *semilu*. Sekarang hal ini tidak ada lagi kerana kaum ibu masyarakat Iban akan bersalin di klinik-klinik kerajaan atau hospital-hospital. Kalau ada yang bersalin di rumah panjang mereka juga tidak akan menggunakan *semilu*. Sudah tentu mereka menggunakan alat moden seperti gunting atau pisau yang bersih. Apabila hendak mengkebumikan mayat seperti yang telah disebut di atas tadi, orang Iban menggunakan buluh juga untuk menyukat besar dan panjang lubang kubur yang hendak digali. Hal ini hanya berlaku di kawasan pedalaman sahaja dan masih berlaku hingga sekarang. Orang Iban yang tinggal di bandar tidak menggunakan buluh semasa perkebumian.

Setelah orang Iban pandai bercucuk tanam, berternak binatang dan membuat rumah, buluh telah banyak membantu mereka. Seperti yang telah dinyatakan tadi orang Iban di Sarawak menggunakan buluh untuk membina rumah, membuat bekas untuk menyimpan padi dan sayur, alat menangkap ikan, membuat jerat atau perangkap dan sebagainya.

Kini masyarakat Iban tidak mementingkan penggunaan buluh lagi. Ini adalah kerana mereka lebih suka membuat rumah daripada kayu atau konkrit yang lebih baik dan tahan lama. Mereka juga lebih suka menggunakan bekas-bekas plastik yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan dari pasar. Ikan dan daging juga dapat dibeli dari penjual-penjual sama ada di pasar atau yang datang ke rumah panjang. Ramai orang Iban yang tidak mahu bertanam padi lagi. Mereka lebih suka membeli beras dari kedai. Mereka lebih suka berkebun lada atau bekerja di ladang kelapa sawit kerana ia lebih menguntungkan.

Pada zaman dahulu untuk mengisi masa lapang orang Iban suka menganyam, mengukir dan sebagainya. Buluh adalah satu daripada tumbuhan yang sangat penting dalam kreativiti seni anyaman, seni ukiran dan seni muzik masyarakat Iban. Pada masa kini didapati generasi baru sangat kurang berminat dalam seni kreatif tersebut.

Masyarakat Iban percaya ada semangat, hantu dan dewa-dewi seperti yang telah disebut di atas tadi. Makhluk ghaib ini dipercayai boleh menolong dan juga mengganggu mereka. Oleh yang demikian mereka mengadakan ritual-ritual khas seperti ritual untuk

membuat huma, ritual untuk kesejahteraan diri, ritual untuk roh-roh nenek moyang dan sebagainya. Dalam ritual-ritual berkenaan buluh digunakan untuk membuat alat-alat pemujaan misalnya *pandung*, *keresang* dan sebagainya. Sekarang alat-alat ritual itu hampir pupus kerana pengaruh agama Wahyu.

Pada masa silam, buluh memainkan peranan penting dalam nilai dan norma hidup masyarakat Iban. Seperti yang telah disebut di atas tadi buluh digunakan untuk menghukum mati pasangan zina sumbang mahram. Kedua-duanya direjam dengan buluh aur yang telah diruncingkan sampai mereka meninggal dunia. Aur berkenaan kemudian ditanam supaya ia tumbuh untuk menjadi peringatan. Ini bertujuan supaya sesiapa yang melihat buluh aur berkenaan tidak membuat zina sedemikian. Sekarang hukum yang sebegitu tidak ada lagi kerana kes seperti ini akan dibawa ke pengadilan makamah sivil.

Selain daripada masalah-masalah yang telah disebutkan di atas, pengkaji juga menghadapi berbagai-bagai kekangan lain. Permasalahan besar yang dihadapi oleh pengkaji ialah bahan bacaan agak terhad mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Seperti yang telah dinyatakan dahulu bahawa pengkaji belum mendapat buku-buku yang menceritakan tentang penggunaan buluh secara menyeluruh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Kebanyakan buku yang ditulis oleh para pengkaji hanya mengisahkan penggunaannya dalam kehidupan masyarakat-masyarakat yang tinggal di luar negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun di Arkib dan Muzium Negeri Sarawak terdapat beberapa buah buku dan jurnal yang mempunyai catatan atau maklumat berkaitan dengan penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Pengkaji juga ada membuat kunjungan ke beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Selain daripada arkib dan perpustakaan, pengkaji ada juga mendapat sedikit maklumat daripada internet, majalah dan surat akhbar.

Selain daripada masalah kekurangan bahan bacaan, pengkaji juga menghadapi masalah lain seperti mencari informan untuk ditemu bual. Orang yang benar-benar tahu mengenai penggunaan buluh terutama penggunaannya yang berkaitan dengan kosmologi Iban sangat kurang bilangannya. Orang yang tahu pula tinggal di pedalaman dan sangat jauh dari tempat kediaman pengkaji.

Ekoran daripada itu pengkaji telah membuat kunjungan ke beberapa buah rumah di daerah Saribas dan daerah Kalaka sahaja. Di daerah Saribas pengkaji telah berkunjung ke rumah panjang Pakoh, Pedanum, Buluh Antu, Nanga Geraji, Melayu, Tanu, Maja dan Sekuyat. Di daerah Kalaka pula pengkaji telah pergi melawat ke Kamidan, Nanga Risau, Lubok Kepayang dan Tanjung. Semasa kunjungan tersebut pengkaji dapat menemu ramah beberapa orang yang tahu mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Mereka adalah seperti Puan Embak Sang, Puan Empina Emparie, Encik Harry Thomas, Encik Salleh Baran, Penghulu Daniel Baran, TR Cannidy Usit, Puan Kandat Untoi, Koporal Loya Seman, TR Setana dan

Encik Dang. Kos untuk pergi berkunjung ke tempat para informan itu adalah ditanggung oleh pengkaji sendiri.

Selain daripada informan-informan di atas pengkaji juga ada menemu bual beberapa orang lagi di bandaraya Kuching iaitu Puan Dora Daud, Encik Janang Ensiring, Very Rev. Fr Aeries Sumping dan Puan Sri Datuk Empiang Jabu.

Pengkaji juga menghadapi masalah dalam penggunaan istilah yang tepat. Istilah-istilah yang terkandung dalam penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban hampir semuanya dalam bahasa Iban. Pengkaji tidak boleh menterjemahkan istilah-istilah tersebut kepada Bahasa Melayu baku kerana bimbang maksud asalnya kurang tepat. Namun begitu pengkaji telah menyediakan glosari untuk faedah pembaca. Segala masalah yang dinyatakan di atas telah menjadi halangan dalam menyelesaikan Disertasi ini. Namun masalah-masalah tersebut telah dapat pengkaji atasi.

1.6 Metodologi Kajian

Dalam usaha mengumpul bahan kajian, pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Secara umumnya pengkaji membahagikan penyelidikan ini kepada dua kaedah yang utama iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah lapangan.

1.6.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah ini sangat penting bagi pengkaji sebelum memulakan kajian. Melalui kaedah ini pengkaji mendapat gambaran awal, berkaitan dengan bidang yang dikaji dan sebagai bahan rujukan dalam kajian. Hal ini penting kerana maklumat boleh diperolehi daripada pengkaji-pengkaji atau penulis-penulis terdahulu. Bahan-bahan yang digunakan melalui kaedah ini seperti buku, risalah, jurnal, ensiklopedia, kamus, kertas-kertas kerja melalui seminar atau perbincangan dan apa jua bentuk bahan bacaan yang berkaitan. Pengkaji telah mendapat bahan rujukan tersebut di Perpustakaan Negeri Sarawak, Muzium dan Arkib Sarawak, Perpustakaan Tun Jugah Foundation, Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuching Utara, Perpustakaan House of the Epiphany, Theological College Kuching, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Perpustakaan Herbarium Kuching, Muzium Buluh, Kuching dan kedai-kedai buku di bandaraya Kuching.

1.6.2 Kaedah Lapangan

Sebenarnya memperolehi data dan maklumat dengan menggunakan kaedah ini boleh dibahagikan kepada beberapa kaedah kecil yang difikirkan sesuai. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti pemerhatian, temu ramah dan penggunaan kamera.

(i) Pemerhatian

Beberapa siri pemerhatian telah dijalankan pada penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban. Tumpuan pemerhatian ialah untuk mengetahui tentang cara mereka memilih buluh, cara membuat alat-alat, cara menggunakan alat tersebut, mengapa mereka melakukan perkara-perkara berkenaan dan bilakah masanya mereka menggunakan alat-alat itu. Pengkaji juga memerhatikan bentuk dan saiz alat-alat yang diperbuat daripada buluh dan mengkaji mengapa saiz dan bentuknya berlainan.

Dalam bidang seni anyaman, pengkaji telah memerhatikan motif-motif yang digunakan untuk menganyam alat-alat seperti *raga*, *baka*, *seluk* dan sebagainya. Ini sangat penting kerana untuk mengetahui falsafah di sebalik motif yang digunakan. Pemerhatian ini dibuat di semua rumah panjang yang telah disebut di atas tadi. Semua pemerhatian telah dicatatkan.

(ii) Temu Bual

Temu ramah yang dilakukan adalah untuk menambahkan lagi maklumat yang telah diperolehi di samping untuk mengukuhkan lagi data yang ada. Temu bual ini telah dibuat dengan orang-orang tertentu yang nama mereka telah ditulis di atas tadi. Mereka mempunyai pengalaman dan ada juga yang sangat mahir dalam ilmu penggunaan buluh.

(1992:12) yang ada menulis mengenai buluh yang digunakan untuk membuat perabung atau bumbung rumah oleh kaum Torajan di negara Thailand. Lantai rumah kaum tersebut juga dibuat daripada buluh. Haji Muhamad (1992:2) dalam buku **Potensi Rebung di Malaysia** telah menyokong pendapat penulis di atas bahawa di Malaysia buluh ada digunakan untuk membuat dinding rumah.

Pendapat itu disokong oleh sumber internet iaitu Halliwell <http://www.bodley.ox.ac.uk/users/djh/ebs/ebsindex.htm> (12/Nov. 2002) dalam *European Bamboo Society (Association Europeene du Bambou)* yang menceritakan lantai yang dibuat daripada buluh di negeri China.

Pendapat penulis-penulis di atas disokong lagi oleh Zainol http://www.fskk.ukm.my/~ahmad/tugasan/s2_99/a61244.htm (5/16/03) dalam **Buluh dan Nilai Komersialnya** yang menulis mengenai penggunaan buluh dalam seni bina rumah-rumah tradisional seperti di negeri Sarawak, Sabah dan beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Mengikut Zainol biasanya buluh digunakan oleh penduduk di Malaysia untuk membuat lantai dan dinding rumah.

e) Perabot

Menurut Piper (1992:14) orang Thai ada membuat perabot daripada buluh. Pendapat Piper di atas telah disokong oleh seorang penulis dari sumber internet iaitu Mahmuddin http://www.fskk.ukm.my/~ahmad/tugasan/2_99/a71906.htm (4/3/03) yang

Kemudian kehidupan masyarakat Iban mengalami perubahan secara beransur-ansur. Oleh yang demikian cara penggunaan buluh juga turut berubah. Buluh yang pada mulanya menjadi keperluan asas, kemudiannya ia digunakan untuk membuat alat-alat lain sama ada untuk berhibur atau pun berseni. Buluh juga digunakan untuk mengisi masa lapang. Misalnya buluh digunakan untuk membuat alat-alat kraf tangan yang cantik. Kraf tangan tersebut sama ada digunakan untuk ritual, perhiasan atau pun untuk kegunaan harian. Untuk kegunaan harian atau perhiasan masyarakat Iban biasanya membuat alat-alat tersebut pada masa lapang.

Sekarang buluh digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak sebagai bahan komersial. Kraf tangan yang dibuat daripada buluh telah menembusi pasaran tempatan dan luar negeri. Anak buluh yang pada masa dahulu hanya digunakan untuk makanan sendiri tetapi sekarang ada dijual di pasar tamu untuk mendapat wang.

Teori yang kedua ialah budaya Iban di Sarawak telah bertembung dengan budaya-budaya yang datang dari luar negeri seperti orang China, Barat dan juga etnik di luar Sarawak misalnya kaum Kadazan-Dusun dari Sabah. Pertembungan budaya juga berlaku dengan kaum bumiputera yang tinggal di Sarawak seperti orang Melayu. Hasil daripada pertembungan budaya itu, maka berlakulah juga peminjaman budaya.

Oleh yang demikian maka terbentuklah alat-alat seperti *tangkun* dan motif anyaman *sangkar* yang dipinjam daripada masyarakat China. Masakan orang Iban seperti acar dan kari untuk memasak rebung, lemang dan sate dipercayai dipinjam daripada

budaya masakan orang Melayu. Kraftangan yang diperbuat daripada buluh seperti alas meja, alas cawan, alas gelas, bekas untuk menyimpan pensel dan pena, tikar perhiasan dinding adalah dipercayai dipinjam dari budaya Barat. Alat muzik yang disebut *engkerurai* dipinjam dari kaum Kadazan-Dusun di Sabah. Kadazan-Dusun menyebutnya *somponton*. Ini berlaku kerana orang Iban pada masa dahulu suka merantau. Semasa di Sabah mereka suka dengan alat muzik tersebut dan apabila balik ke kampung masing-masing maka mereka pun membuat alat muzik itu tetapi telah menukarkan namanya.

Seperti yang telah dikatakan di atas tadi, pertembungan agama Kristian dan agama Islam dengan kepercayaan tradisi masyarakat Iban di Sarawak telah banyak melenyapkan ritual-ritual tertentu. Begitu juga dari segi perubatan. Orang Iban sudah tidak lagi bergantung kepada *manang* atau *beliau*. Mereka lebih suka pergi ke klinik atau hospital. Oleh yang demikian pengkaji ingin menyatakan sekali lagi bahawa kesan-kesan pertembungan budaya Barat, agama Kristian dan Islam telah banyak melenyapkan cara penggunaan buluh dalam kehidupan orang Iban di Sarawak tetapi pertembungan budaya China, Melayu dan Kadazan-Dusun membawa kesan peminjaman budaya dalam penggunaan buluh seperti yang telah dinyatakan di atas tadi.

Setelah pengkaji mengenalpasti teori-teori tersebut pengkaji akan membuat kajian untuk mendapatkan data-data diperlukan. Seterusnya data-data itu akan dianalisis. Analisis yang akan dilakukan adalah dalam konteks budaya masyarakat Iban di Sarawak. Ini adalah untuk membuktikan ialah orang Iban di Sarawak ada menggunakan buluh dalam budaya mereka. Keduanya adakah benar cara penggunaan buluh berubah selari

dengan perubahan cara hidup masyarakat Iban dan perubahan itu berlaku secara evolusi dan apakah sebab-sebab ia berubah? Seterusnya benarkah pertembungan budaya menyumbang kepada peminjam budaya mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban. Akhirnya adakah benar dan mengapa agama Wahyu telah banyak menyebabkan kepupusan alat-alat tertentu yang dibuat daripada buluh dalam kehidupan masyarakat Iban di Sarawak.

1.8 Kajian Terdahulu / Tinjauan Literature

Bagi memperolehi maklumat mengenai budaya buluh secara sejagat dan juga budaya buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak, tinjauan terhadap kajian daripada pengkaji-pengkaji terdahulu amat diperlukan untuk mengetahui kedudukan, perkembangan dan sejarah buluh dalam kehidupan manusia sejak awal penggunaannya sehingga masa kini. Tinjauan tersebut merupakan bukti-bukti berbentuk tulisan yang telah diusahakan oleh orang-orang tertentu sama ada pengkaji-pengkaji tempatan mahu pun pengkaji-pengkaji bangsa asing. Mengikut mereka buluh digunakan untuk membuat beberapa alat sama ada untuk kegunaan harian atau pada masa tertentu. Pengkaji akan menerangkannya satu demi satu supaya senang difahami oleh pembaca.

a) Alat Memasak

Banks (1949:99) dalam bukunya *A Naturalist in Sarawak* menceritakan mengenai *gawai* ritual orang Iban yang disebut *Gawai Pangkung Tiang*. Dalam ritual

tersebut nasi pulut yang dimasak dalam buluh yang disebut dalam bahasa Iban *asi ruas* digunakan untuk memukul tiang *pemuun* pada setiap bilik rumah panjang berkenaan. Ini bermaksud bahawa orang Iban di Sarawak ada menggunakan buluh untuk memasak nasi pulut.

Mashman (1986:28-31) dalam Tesisnya *Warriors And Weavers: A Study of Gender Relations Among the Iban of Sarawak* ada menceritakan tentang ritual *Gawai Pangkung Tiang* seperti yang disebut oleh Banks (1949) di atas. Oleh itu sudah pasti buluh juga digunakan untuk memasak nasi pulut yang khas digunakan dalam ritual tersebut. Pendapat di atas disokong oleh Sutlive (1992:85-86) dalam bukunya *The Iban of Sarawak, Chronicle of a Vanishing World* yang menyatakan bahawa orang Iban suka memasak ikan dengan menggunakan buluh. Begitu juga penulis asing lain yang bernama Piper (1992:9) dalam buku beliau yang berjudul *Bamboo & Rattan, Traditional Uses and Beliefs* ada juga mengisahkan bahawa orang Thai ada menggunakan buluh untuk memasak makanan seperti nasi pulut yang dicampurkan dengan daging dan sayur. Piper dalam buku yang sama menambah lagi bahawa buluh ada digunakan oleh orang Malaysia untuk memasak nasi pulut atau lemag.

Hal itu juga disokong oleh Christensen (2002:222) dalam bukunya *Ethnobotany of the Iban & Kelabit* yang menyebut orang Iban di Nanga Sumpa dan orang Kelabit di Pa Dalih, Sarawak ada juga menggunakan buluh untuk memasak nasi dan lauk. Mengikut Christensen mereka biasanya memasak menggunakan buluh dari jenis *Bambusa Vulgaris*.

Fong (2002:34-38) dalam majalah *Going Places* mengatakan bahawa dalam perayaan *Gawai Dayak* kaum Bidayuh di Sarawak ada menggunakan buluh untuk memasak daging ayam. Pendapat ini disokong oleh Berbar (2002:36-39) dalam *Going Places* juga menceritakan tentang Orang Asli di Semenanjung Malaysia juga menggunakan buluh untuk memasak nasi.

b) Kayu Api dan Batu Api

Rao (1998:10) dalam Kertas Kerja Seminar berjudul *Bamboo Conservation, Diversity, Ecogeography, Germplasm, Resource Utilization and Taxonomy* menceritakan di negeri China buluh yang sudah kering dijadikan kayu api. Pendapat ini disokong oleh Piper (1992:7-8) yang meyakini buluh dijadikan alat untuk menyalakan api atau batu api sebelum penduduk di situ menggunakan mancis. Pendapat ini disokong oleh Karki (1997:35) dalam Kertas Kerjanya *The Role of Bamboo, Rattan & Medicinal Plants in Mountain Development* yang menceritakan bahawa buluh ada juga digunakan sebagai kayu api oleh penduduk yang tinggal di kawasan Himalaya.

c) Kraf Tangan

Piper (1992:31-40) menyatakan buluh digunakan oleh masyarakat di negeri Thai dan Malaysia untuk membuat alat-alat kraf tangan seperti alat anyaman dan alat ukiran. Pendapat Piper ini disokong oleh Wan Mohd (1992:20) dalam Kertas Kerja di Seminar *National Bamboo Seminar 1, Proceedings of the Seminar, 2-4 November*

1992, *FRIM, Kuala Lumpur*. Beliau menerangkan mengenai industri buluh di Pahang, dan Malaysia ada membuat barangan kraf tangan daripada buluh seperti bakul dan sebagainya. Chin (1999:192) dalam buku *Sarawak Cultural Legacy: A Living Tradition* bersetuju dengan pendapat penulis di atas bahawa buluh ada digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak untuk membuat alat anyaman.

Pendapat penulis-penulis di atas disokong oleh Abdullah (1993:14-15) dalam bukunya *Mengenal Sarawak: Kraf tangan*. Beliau menceritakan mengenai penduduk di Sarawak ada menggunakan buluh sebagai alat kraf tangan. Buluh yang sering digunakan ialah buluh *akan*, buluh betung, buluh minyak dan buluh gading. Beliau memberitahu bahawa buluh-buluh tersebut boleh dianyam menjadi bakul, pengayak dan nyiru. Beliau juga mengatakan bahawa buluh boleh digunakan dalam seni ukiran. Dalam seni ukiran bekas-bekas buluh diukir dengan cantik.

Pendapat Chin telah disokong oleh Surat Khabar *New Straits Times* (Monday, November 30, 2002) yang mengatakan bakul yang dianyam daripada buluh oleh syarikat *Saracraf* telah menembusi pasaran antarabangsa seperti di Amerika Syarikat, Australia dan Singapura. Alat-alat buluh itu dianyam oleh penduduk bumiputera di Sarawak.

Manakala sumber internet <http://www.sarawaktourism.com/arts.html> (9/10/02) *Arts & Craft of Sarawak* ada mempamerkan barangan kraftangan buluh yang berukiran indah seperti tabung duit, bekas letak pensel dan kotak pena. Pendapat internet itu tadi disokong oleh sumber internet [Http://www.geocities.com/malayculture/are-weav.htm](http://www.geocities.com/malayculture/are-weav.htm)

(4/13/03) *Traditional Malay Culture* yang menceritakan mengenai barangan anyaman buluh. Mengikut penulis tersebut buluh dianyam dengan motif yang cantik dan buluh juga digunakan untuk membuat alat ukiran yang cantik oleh orang Melayu di Malaysia. Noria juga dari sumber internet <http://www.fskk.ukm.my/~ahmad/tugasan/s299.a7171.htm> (4/3/03) dalam *Hutan, Tumbuhan dan Kegunaannya Kepada Manusia* menceritakan mengenai tumbuhan termasuk buluh yang tumbuh di persekitaran masyarakat Melayu dan buluh ada digunakan oleh orang Melayu berkenaan untuk membuat barangan kraftangan.

Sumber internet <http://www.fascinatingmalaysia.com/perak/spnre.html> (4/13/03) dalam *Sports & Recreation* juga mengatakan tentang seni kraftangan buluh (*Bamboo Work of Art*) yang sangat cantik. Industri buluh yang penulis berkenaan nyatakan itu ialah di negeri Perak, Malaysia. Seterusnya pendapat di atas itu disokong oleh satu lagi sumber dari internet iaitu <http://web.kyoto-inet.or.jp/takehei/> (4/13/03) dalam *Takehei Bamboo* yang mengiklankan barangan kraf tangan yang diperbuat daripada buluh di negeri Jepun. Barangan tersebut adalah seperti talam, kotak buluh, pasu bunga dan sebagainya.

d) Alat Untuk Membuat Rumah

Leong (1992:82) di dalam buku *Festival in Malaysia* ada mempamerkan gambar lantai rumah panjang orang Iban di Sarawak yang dibuat daripada buluh. Rao (1998:10) juga ada menceritakan mengenai penggunaan buluh dalam kerja membina rumah di Yunnan, Myanmar, Thailand dan Filipina. Pendapat Leong disokong oleh Piper

(1992:12) yang ada menulis mengenai buluh yang digunakan untuk membuat perabung atau bumbung rumah oleh kaum Torajan di negara Thailand. Lantai rumah kaum tersebut juga dibuat daripada buluh. Haji Muhamad (1992:2) dalam buku **Potensi Rebung di Malaysia** telah menyokong pendapat penulis di atas bahawa di Malaysia buluh ada digunakan untuk membuat dinding rumah.

Pendapat itu disokong oleh sumber internet iaitu Halliwell <http://www.bodley.ox.ac.uk/users/djh/ebs/ebsindex.htm> (12/Nov. 2002) dalam *European Bamboo Society (Association Europeene du Bambou)* yang menceritakan lantai yang dibuat daripada buluh di negeri China.

Pendapat penulis-penulis di atas disokong lagi oleh Zainol http://www.fskk.ukm.my/~ahmad/tugasan/s2_99/a61244.htm (5/16/03) dalam **Buluh dan Nilai Komersialnya** yang menulis mengenai penggunaan buluh dalam seni bina rumah-rumah tradisional seperti di negeri Sarawak, Sabah dan beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Mengikut Zainol biasanya buluh digunakan oleh penduduk di Malaysia untuk membuat lantai dan dinding rumah.

e) Perabot

Menurut Piper (1992:14) orang Thai ada membuat perabot daripada buluh. Pendapat Piper di atas telah disokong oleh seorang penulis dari sumber internet iaitu Mahmuddin http://www.fskk.ukm.my/~ahmad/tugasan/2_99/a71906.htm (4/3/03) yang

mengatakan bahawa ada perabot yang dibuat daripada buluh oleh masyarakat Orang Asli di Malaysia. Perabot tersebut dibuat untuk dijual kepada penduduk kampung dan pekan.

f) Makanan dan Ubat

Resources Bureau (July 1960:105) dalam kertas Kerja *Studies on the Physiology of Bamboo With Reference to Practical Application* menceritakan bahawa buluh sangat berguna kepada pendudukan di negara Jepun. Satu daripada hasil buluh ialah makanan. Orang Jepun menggunakan anak buluh sebagai sayur untuk dimakan sendiri ataupun untuk dijual di pasar.

Piper (1992:25-30) juga menceritakan bahawa buluh boleh dijadikan makanan dan beliau menambah lagi bahawa buluh juga boleh dibuat ubat dan magis. Mengikut Piper lagi di Asia Tenggara ramai kaum peribumi yang suka makan rebung buluh sebagai sayur. Rebung itu sama ada terus dimasak atau dikeringkan dahulu atau pun dibuat pekasam dengan cara merendam dalam air yang telah digunakan untuk mencuci beras. Rebung buluh dari Jawa Barat dikatakan sangat pahit tetapi ia boleh dimakan setelah direndam dalam lumpur kira-kira 3 hingga 4 hari.

Mengikut Piper lagi minyak yang terdapat pada batang buluh boleh dijadikan ubat sakit lelah. Di Malaysia ada di antara beberapa jenis rebung buluh yang boleh dibuat ubat sakit *gonorrhoea* dan sakit buah pinggang. Di Kemboja buku buluh direbus untuk dijadikan ubat sakit dada dan sakit salur kencing. Di Filipina buluh dari spesies *Bambusa*

spinosa digunakan sebagai ubat serbaguna. Daun buluh tersebut boleh digunakan untuk mengubat sakit *spots* dan *sores*. Rebungnya pula boleh menjadi ubat membuang cacing dan mengubat sakit *ulcers*. Kapur buluh dipercayai boleh mengubat jantung, otak, buah pinggang dan limpa.

Mengikut Piper lagi selain boleh dibuat ubat buluh juga boleh dibuat racun. Racun buluh dibuat daripada miang buluh yang tajam. Jus buluh boleh dijadikan bahan minuman yang berbahaya kerana ia boleh menggugurkan kandungan ibu.

Piper menambah lagi bahawa di Malaysia ada sejenis buluh yang disebut buluh perindu. Ini digunakan dalam ilmu magis. Buluh perindu adalah untuk menambat hati seseorang supaya dia kasih dan sayang kepada orang yang berkenaan.

g) Alat-Alat Ritual

Banks (1949:100) menceritakan mengenai ritual *Gawai Mandi Rumah*. Dalam ritual tersebut orang Iban membina *pandung*. Banks juga menceritakan mengenai *buluh kelakar* yang digunakan dalam suatu perbicaraan. Untuk membuat keputusan tersebut ialah kedua-dua pihak yang berbalah itu menyuruh wakil masing-masing menyelam di lubuk yang dalam. Sebelum menyelam dewi sungai hendaklah dijemput dan dipuja. Ini dilakukan dengan mengadakan satu ritual khas. Selesai pemujaan, kedua wakil pun menyelam. Siapa lemas maka orang yang diwakilnya kalah atau didapati bersalah. Ini

kerana orang Iban percaya pihak yang salah walaupun wakilnya mahir menyelam dia akan dilemaskan oleh dewi sungai.

Kedit (1969:120-121) dalam *The Sarawak Museum Journal*: Vol. XVII. Nos. 34-35. (*New Series*) menceritakan mengenai ritual kaum Iban yang disebut *Gawai Betambah-bulu*. Dalam ritual tersebut dibuat satu tempat khas seperti pentas di bahagian *tanju* rumah panjang. Pentas tersebut disokong dengan buluh. Buluh-buluh itu juga digunakan sebagai tiang bendera semasa ritual dijalankan. *Teresang nyangkam* diletakkan di bahagian *ruai*. Ia didirikan sampai menyentuh langit rumah panjang itu.

Blehaut (1992:198-207) dalam buku *Iban Basket* menyebut mengenai bakul khas untuk kegunaan ritual dalam ritual *Gawai Antu*. Bakul itu digunakan untuk menyimpan *ai buluh* yang akan diminum seorang wira yang telah membunuh musuh. Satu lagi bakul khas untuk dipersembahkan kepada roh-roh ahli keluarga yang telah meninggal. Bakul khas itu disebut *gadai*. Bubu khas dinamakan *buba sebayan* yang berbentuk macam nombor lapan. Sejenis permainan kanak-kanak yang macam buah-buahan yang bertangkai. Alat itu disebut *buah melanjan sebayan* dan ia khusus dipersembahkan kepada roh-roh kanak-kanak atau bayi yang telah meninggal. Orang Iban percaya roh tersebut memerlukan *buah melanjan sebayan* sebagai alat permainan di alam mati.

Blehaut juga ada menyebut tentang satu bakul yang disebut *kelinggang*. Bakul ini dibuat khas untuk menyimpan ubat magis masyarakat Iban semasa perayaan ritual

Gawai Kelingkang. Ritual ini adalah untuk para wira orang Iban yang baru balik berperang. Bakul ini hanya dianyam oleh kaum lelaki yang tertentu sahaja.

Seterusnya Blehaut ada menyentuh sejenis alat ritual yang dibuat daripada buluh. Alat ritual tersebut adalah sebuah bakul buluh yang dianyam secara *conical* untuk meletakkan pemberian kepada dewi-dewi *Bintang Tiga*. ~~Ini digunakan semasa orang Iban~~ di Sarawak mengadakan ritual untuk bertanam padi bukit. Alat anyaman tersebut dinamakan *Teresang*.

Manakala seorang penulis Barat yang bernama Howell (1992:97-98) dalam bukunya yang berjudul *The Sea Dyaks and Other Races of Sarawak* menulis mengenai tempat pemujaan dewa kaum Iban di Sarawak. Tempat pemujaan itu disebut sama dengan yang telah disebut di atas tadi iaitu *pandung*. Seperti yang telah disebut penulis di atas tiang dan tepi *pandung* itu dibuat daripada buluh. Beliau juga menceritakan tentang *plangka*. Mengikut Howell ditepi *plangka* diletak empat batang buluh sebagai rangka. *Plangka* dan *pandung* yang disebut oleh Howell telah digunakan semasa ritual *Gawai Padi*.

h) Alat untuk Menangkap Ikan

Devambe (1967:22-25) dalam bukunya *Jalai Ngintu Pegong* menceritakan tentang alat-alat yang digunakan oleh orang Iban di Sarawak untuk menangkap ikan di kolam. Alat-alat itu ialah kail, pukak dan bubu. Walau pun beliau tidak menyebut tentang

bahan yang digunakan untuk membuat alat-alat tersebut, pengkaji pasti bahawa buluh adalah satu daripada bahan yang digunakan untuk tujuan tersebut. Ini berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji di beberapa buah rumah panjang yang telah disebut di atas.

Pendapat Devambe di atas disokong oleh Munan (1989:50-51) dalam bukunya *Sarawak Crafts. Methods, Materials, and Motifs*. Munan menulis mengenai alat yang digunakan oleh penduduk di Sarawak untuk menangkap ikan. Maksud beliau ialah bubu ikan yang dibuat daripada buluh.

Sutlive (1992:86) juga ada menyebut mengenai perangkap ikan atau bubu seperti di atas tadi. Beliau menceritakan tentang bubu yang digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak. Bubu ikan dibuat daripada buluh. Pendapat ini disokong oleh Haji Mohamed (1992:2) yang mengatakan bahawa orang di Malaysia ada menggunakan buluh untuk membuat perangkap ikan. Walau bagaimanapun beliau tidak menyebut jenis perangkap ikan itu.

Meluda (1962:3-7) dalam bukunya *Penemu Begiga* sama juga seperti penulis-penulis di atas mengatakan bahawa orang Iban suka menangkap ikan menggunakan bubu. Bubu-bubu itu dibuat daripada buluh. Bubu-bubu itu juga terdapat dalam berbagai-bagai saiz dan bentuk. Saiz bubu itu mengikut di mana tempat memasangnya. Misalnya kalau sungai itu besar, maka sudah tentu saiz bubu itu besar. Ia disebut dalam bahasa Iban *buba abau*. Piper (1992:52-55) juga menyokong pendapat penulis-penulis di atas. Mengikut

pendapat beliau orang di Malaysia menggunakan bubu yang dibuat daripada buluh untuk menangkap ikan. Beliau menambah lagi bahawa ramai orang di Asia Tenggara menggunakan bubu buluh dan seterusnya beliau menceritakan bahawa tiang pukat juga banyak yang dibuat daripada buluh. Orang China dan Vietnam membuat batang pancing dari buluh spesies *Arundinaria amabilis*.

Othman Yatim (2001:15) dalam nota kuliah Seni, Budaya Masyarakat Melayu – Kesenian bersetuju dengan pendapat-pendapat di atas. Mengikut pendapat beliau selain daripada digunakan untuk membuat alat-alat kraf tangan, buluh juga ada digunakan untuk membuat alat-alat menangkap ikan dan sebagainya. Sumber internet Halliwell (12 Nov.2002) <http://www.bodley.ox.ac.uk/users/djh/ebs/ebsindex.htm> juga memberi pendapat yang sama bahawa buluh ada digunakan untuk membuat batang pancing atau joran di kebanyakan tempat di dunia.

i) Alat-Alat Muzik

Haji Mohamed (1992:2) ada menceritakan mengenai buluh yang digunakan untuk membuat seruling. Seruling ialah satu daripada alat muzik masyarakat di Malaysia. Piper (1992:68-73) juga ada menceritakan alat muzik lain yang dibuat daripada buluh oleh orang di Asia Tenggara. Mengikut beliau buluh itu dipotong dan ditebuk lubang. Apabila angin bertiup maka buluh itu mengeluarkan bunyi yang merdu. Dalam bahasa Inggeris alat muzik itu disebut *plaintive* atau *weeping bamboo*. Pada masa dahulu Gabenor General Belanda pernah menyimpan *plaintive bamboos* di Taman Botanikal

Bogor, Indonesia. Piper juga menceritakan mengenai alat muzik buluh yang bertali. Seterusnya beliau mengatakan di Pulau Jawa orang menggunakan angklung. Angklung adalah alat muzik yang dibuat daripada buluh. Selain itu Piper juga mengisahkan mengenai seruling, calung, *bamboo pipe*, *kleddi*, *geng gong*, celempung, *keteng-keteng* dan *djimpai*.

Pendapat para penulis di atas telah disokong oleh Christensen (2002:216) yang mempamerkan gambar alat muzik kaum Kelabit di Pa Dalih di Sarawak. Alat muzik buluh tersebut digunakan sebagai loceng di sebuah gereja di Pa Dalih. Manakala surat khabar Alaza (May 19 2002:14) *The Borneo Post* pula ada menceritakan alat-alat muzik kaum bumiputera di Sabah. Alat-alat muzik itu ialah seruling dan sompoton.

Manakala sumber internet Noria <http://www.ukm.my/~ahmad/tugasan/s299.a7171.htm> (4/3/03) juga menyokong pendapat-pendapat di atas mengenai kehadiran alat muzik yang diperbuat daripada buluh. Penulis internet itu mengatakan bahawa tumbuhan buluh boleh digunakan untuk membuat alat muzik misalnya angklung. Mengikut beliau angklung dihasilkan daripada buluh betong. Nama saintifik buluh betong ialah *Dendrocalamus asper*.

j) Rakit dan Perahu

Piper (1992:48-52) menceritakan bahawa ada perahu yang dibuat daripada buluh digunakan oleh penduduk di Vietnam dan Kemboja. Perahu tersebut dibina

daripada kepingan-kepingan buluh. Kulit-kulit buluh dianyam untuk membuat alas perahu berkenaan. Ini adalah supaya perahu berkenaan tidak masuk air. Selain dari perahu buluh penduduk di Vietnam dan Kemboja juga ada membina rakit buluh. Seterusnya Piper menyebut bahawa di Pulau Jawa ada sejenis perahu layar yang dibuat daripada buluh dan rotan. Tiang biduk perahu layar berkenaan dibuat daripada buluh.

k) Alat-Alat Untuk Memburu

Freeman (1992:198) dalam bukunya *The Iban of Borneo* mengatakan orang Iban di Pulau Borneo ada membuat perangkap binatang. Mengikut beliau bahan yang digunakan untuk membuat alat-alat tersebut terdiri daripada beberapa tumbuhan seperti kayu, akar dan juga buluh. Buluh dibuat sebagai lembing yang diruncingkan supaya tajam. Ia digunakan untuk menikam binatang yang terkena perangkap berkenaan. Perangkap itu ada tiga jenis iaitu *peti* untuk memerangkap babi hutan, *bubong* khas untuk memerangkap monyet dan *tinyu* untuk binatang yang lebih kecil misalnya pelanduk dan sebagainya.

1.9 Sumbangan Kajian

Dengan terhasilnya Disertasi ini, ia diharap akan dapat memberi sumbangan kepada umum. Sumbangan ini sama ada dari segi pengetahuan, material mahupun sebagai kenang-kenangan zaman silam kepada generasi seterusnya agar ia tidak lenyap ditelan zaman.

Diharapkan juga setelah Disertasi ini siap, antaranya ia dapat dijadikan sebagai bukti kepada dunia bahawa masyarakat Iban di Sarawak juga memiliki kemahiran dalam penggunaan buluh misalnya dalam seni anyaman, seni ukiran, masakan dan lain-lain. Selain membuktikan tentang kemahiran yang dimiliki orang Iban ia juga dapat memberitahu kepada pembaca mengenai kepercayaan tradisi kaum Iban. Ini telah dipancarkan melalui ritual dan pantang larang yang berkaitan dengan buluh. Alat-alat yang dibuat daripada buluh juga menggambarkan budaya dan nilai sosial masyarakat Iban sama ada melalui fungsi dan motif yang diterapkan padanya.

Selain sebagai bukti kepada generasi kini Disertasi ini juga diharap akan dijadikan sebagai bahan rujukan lengkap khususnya kepada para pengkaji yang ingin membuat kajian yang lebih lanjut mengenai buluh dalam budaya masyarakat Iban. Ia juga diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada para pelajar dan penulis-penulis buku agar mereka dapat menghasilkan lebih banyak lagi hasil tulisan mengenai buluh dan budaya orang Iban di Sarawak. Selain dijadikan sebagai bahan rujukan ia juga diharapkan dapat menarik minat para peminat seni anyaman dan seni ukiran supaya mereka suka membuat kajian mengenai bidang tersebut dengan cara yang lebih terperinci. Maksud pengkaji ialah supaya mereka akan mengkaji budaya buluh dalam budaya orang Iban atau kaum lain di Sarawak dengan lebih sempurna. Seterusnya pengkaji mengharap mereka akan membantu dan menjayakan industri kraf tangan Sarawak dan Malaysia pada keseluruhannya. Hal ini akan dapat menarik minat pencinta seni kraftangan asing dan pelancong-pelancong dari luar negara. Oleh yang demikian ia dapat mengharumkan nama

Malaysia dalam bidang seni kraf tangan buluh dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara Malaysia.

Disertasi ini juga diharap akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu agar penggunaan buluh dapat terus berkekalan dan memberi keuntungan. Sebaik-baiknya ia dapat dikomersialkan. Dengan cara ini penghasilannya bukan sahaja sebagai alat keperluan tetapi menyumbangkan ke arah peningkatan ekonomi.

1.10 Batasan-Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah menempoh pelbagai kekangan dan rintangan seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian masalah kajian di atas tadi. Walau bagaimanapun segala halangan itu tidak menghalang pengkaji untuk menyiapkan Disertasi ini. Batasan-batasan yang ditemphi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini ialah seperti berikut.

- i) Tidak ada bahan bertulis secara menyeluruh mengenai penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.
- ii) Orang yang betul-betul mahir dalam bidang ini hanya sedikit bilangannya terutamanya yang berkait dengan kepercayaan animisme kaum Iban.
- iii) Jarak tempat penyelidikan dengan pengkaji sangat jauh.
- iv) Kos kajian ditanggung pengkaji sendiri.
- v) Perubahan budaya kaum Iban daripada budaya tradisi kepada moden.

- vi) Istilah-istilah bahasa Iban yang berkaitan dengan penggunaan buluh susah diterjemahkan kepada bahasa Melayu Baku.

1.11 Lokasi Kajian

Kerja lapangan telah dijalankan di beberapa tempat di Sarawak dan bahan bertulis dari seluruh dunia. Ia bertujuan untuk mendapatkan pelbagai maklumat untuk menyempurnakan Disertasi ini. Kajian ini dibuat melalui data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada beberapa orang informan dari rumah-rumah panjang di Bahagian Betong yang berpengalaman dalam bidang tersebut. Seperti yang telah dinyatakan di atas tempat itu adalah:

- i. Sekitar bandaraya Kuching Tun Jugah Foundation, SK St.Thomas dan perpustakaan-perustakaan, Muzium Buluh dan Muzium Negeri Sarawak
- ii. Rumah-rumah panjang di daerah Saribas, Betong seperti Pakoh, Pedanum, Buluh Antu, Nanga Geraji, Melayu Ili, Tanu, Maja dan Sekuyat.
- iii. Rumah-rumah panjang di daerah Kalaka, Betong seperti Kamidan, Nanga Risau, Lubok Kepyang dan Tanjung.

1.12 Sistematik Penulisan

Bagi menghasilkan sebuah Disertasi yang baik dan lengkap maka pengkaji akan membahagikan kajian ini kepada tujuh bab. Ia dimulai dengan pengenalan sebagai Bab Satu dan diakhiri dengan Bab Tujuh sebagai Bab Kesimpulan.

Bab Satu

Dalam bab ini pengkaji memperkenalkan bidang kajian ini dengan pengenalan. Kemudian pengkaji akan menulis mengenai latar belakang masyarakat yang dikaji, objektif kajian, matlamat kajian, permasalahan, metodologi, kerangka teori, kajian terdahulu atau tinjauan literature, sumbangan kajian, batasan-batasan, lokasi dan sistematik penulisan.

Bab Dua

Bab ini akan menceritakan tentang latar belakang masyarakat yang dikaji iaitu orang Iban di Sarawak. Latar belakang yang akan disebut ialah asal-usul dan rumah panjang bangsa Iban. Kemudian diceritakan juga sedikit mengenai bahasa dan seterusnya ekonomi zaman silam dan moden. Pengkaji juga akan menulis mengenai kepercayaan tradisi dan menulis secara ringkas mengenai ritual-ritual dan juga hukum adat kaum Iban. Setelah itu akan disebut juga status wanita dan lelaki yang berkait dengan penggunaan buluh.

Bab Tiga

Bab Tiga akan menceritakan mengenai tumbuhan buluh. Perkara-perkara yang akan disentuh mengenai buluh ialah seperti konsep buluh, ganera dan spesies buluh. Nama saintifik dan juga nama tempatannya. Setelah nama atau spesies ditulis maka

pengkaji akan menulis secara ringkas mengenai taxonomi buluh dan tempat-tempat ia didapati. Kemudian pengkaji akan menyentuh secara ringkas tentang tumbuhan-tumbuhan lain yang berkaitan dengan penggunaan buluh dalam masyarakat Iban. Akhirnya pengkaji akan menghurai secara ringkas juga mengenai konsep budaya, seni, kosmologi, tradisi dan moden.

Bab Empat

Bab Empat akan menghuraikan peralatan yang diperbuat untuk kegunaan ritual. Alat-alat ritual yang dimaksudkan ialah seperti peralatan yang digunakan semasa *Gawai Antu*, *Gawai Kelingang* dan lain-lain *gawai*. Pengkaji juga akan menceritakan mengenai buluh yang digunakan ritual pemilihan tapak rumah panjang, alat ritual yang digunakan untuk menyelesaikan perbalahan dan sebagainya.

Bab Lima

Bab ini akan mengisahkan cara memilih dan menyediakan buluh untuk membuat alat-alat buluh. Setelah itu maka diterangkan juga bagaimana membuat alat-alat tersebut. Alat-alat buluh yang disentuh itu ialah semua alat buluh yang pengkaji dapat jumpai. Contohnya alat buluh yang digunakan dalam bidang penternakan, pertanian, penangkapan ikan dan sebagainya.

Bab Enam

Pengkaji akan menulis mengenai penggunaan alat-alat yang dibuat daripada buluh dalam budaya masyarakat Iban. Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan cara, sebab dan tempat alat-alat buluh itu digunakan. Pengkaji juga akan menyentuh mengenai falsafah di sebalik penggunaan alat-alat tersebut.

Bab Tujuh

Bab ini adalah bab yang terakhir. Ia akan mengisahkan tentang cabaran dan harapan buluh dalam budaya masyarakat Iban. Ia juga akan membuktikan bahawa kerangka teori yang telah dipilih di atas tadi boleh digunakan dan betul. Seterusnya pengkaji akan membuat kesimpulan pada keseluruhan semua bab di atas.

1.13 Kesimpulan

Penghasilan Disertasi ini menggunakan pelbagai kaedah dan telah menghadapi pelbagai masalah bagi menyempurnakannya. Teori mengenai penggunaan tumbuhan dalam kehidupan manusia telah lama wujud. Oleh yang demikian kajian ini adalah untuk menjawab pelbagai soalan yang berkait dengan teori tersebut. Semoga segala huraian yang berkaitan dengan penggunaan buluh ini dapat diterima dengan baik oleh masyarakat. Ini adalah kerana pengkaji akan cuba memberi jawapan berdasarkan apa

yang telah diperhatikan serta digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak sejak zaman tradisi hingga zaman moden atau sekarang ini.

Dalam bab seterusnya pengkaji akan menghuraikan dengan lebih terperinci lagi tentang latar belakang masyarakat Iban di Sarawak. Penekanan latar belakang itu hanyalah yang berkait dengan penggunaan buluh sahaja.